

05 FEB 1999

HUN SEN LAWAT FRIM

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Kemboja Hun Sen hari ini melawat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini.

Ketibaan beliau serta rombongan disambut oleh Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abdul Razak Mohd Ali serta Pengerusi Lembaga Kemajuan Penyelidikan Perhutanan Malaysia Tan Sri Rama Iyer.

Hun Sen kemudian diberi taklimat oleh Abdul Razak mengenai peranan dan tanggungjawab FRIM dalam mengekalkan khazanah hutan negara serta penyelidikan perhutanan yang dijalankan di institut itu.

Perdana Menteri Kemboja itu kemudian melawat muzium FRIM dan tertarik dengan bahan pameran terutama produk bermutu tinggi yang dihasilkan daripada kayu-kayan yang terdapat di Malaysia.

Beliau juga tertarik dengan sistem pengurusan perhutanan mampan yang diamalkan oleh FRIM dalam memastikan kegiatan mengeluarkan hasil hutan seperti balak dan rotan tidak merosakkan sistem ekologi hutan berkenaan.

Pemimpin Kemboja itu yang tiba di sini semalam atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sedang dalam lawatan rasmi tiga hari untuk meningkatkan hubungan dua hala.

-- BERNAMA

AKT LAT